

**KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN MAC BULAN 2022**

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TAJUK BERITA</b>	<b>MEDIA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	05.03.2022	Persetujuan Kabinet – Kontraktor Tempatan Diberi Keutamaan Untuk Laksana Projek MRT3, Tebatan Banjir, Tambah Baik LPB Sabah-Sarawak	Sinar Harian	2
2.	05.03.2022	‘Kemuka Tindakan Penyelesaian Projek Terbangkalai’	Harian Metro	2
3.	05.03.2022	Invois Palsu – Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi PPK Didakwa Buat Tuntutan Palsu RM17,000	Harian Metro	3
4.	05.03.2022	Penolong Pegawai PPK Didakwa Buat Tuntutan Palsu RM17,000	Sinar Harian	4
5.	05.03.2022	Pegawai PPK Klang Didakwa Tipu Ketua	Kosmo	5
6.	08.03.2022	Bekas Pengerusi LFSA Didakwa	Kosmo	6
7.	12.03.2022	Suapan Projek RM29 Juta	Harian Metro	7
8.	15.03.2022	Guna Diploma Palsu Untuk Lesen SPKK	Harian Metro	8
9.	17.03.2022	Beri Kontrak Kepada Syarikat Isteri	Sinar Harian	9
10.	18.03.2022	Ketua Balai Tak Mengaku Salah Minta Rasuah	Sinar Harian	10
11.	18.03.2022	Dua Pegawai ILP Didakwa Kemuka Tuntutan Palsu	Sinar Harian	11
12.	18.03.2022	Ketua Balai Polis Didakwa Minta, Terima Suapan Tunai	Kosmo	12
13.	18.03.2022	Dua Tak Mengaku Kemuka Sebut Harga Palsu RM7,200	Harian Metro	13
14.	19.03.2022	Dua Penyelia Direman Bantu Siasatan Kes Rasuah Naik Taraf Infrastruktur Sekolah Agama	Sinar Harian	14
15.	19.03.2022	Bekas Majistret Dijel 58 Tahun, Denda RM1J	Kosmo	15
16.	22.03.2022	Pegawai Bomba Dituduh Kes Rasuah Selenggara Kenderaan	Kosmo	16
17.	22.03.2022	Pengurus Ditahan Kes Rasuah Libatkan Tender Projek Kerajaan	Sinar Harian	17
18.	22.03.2022	Guru Besar Didakwa Beri Kontrak Peralatan Sekolah Kepada Isteri, Adik	Sinar Harian	18
19.	22.03.2022	Pegawai bomba Kena Lima Pertuduhan Rasuah	Harian Metro	19
20.	22.03.2022	Rasuah Untuk Dapat Tender Bawah Kelas G2	Harian Metro	20
21.	23.03.2022	5 Ditahan Kes Rasuah Projek MRT	Sinar Harian	21
22.	23.03.2022	Perdaya Pelaburan RM9.46J	Harian Metro	22
23.	24.03.2022	Suami isteri Direman Bocorkan Maklumat Tender LLM	Sinar Harian	23
24.	24.03.2022	MRT Corp Clarifies It Has Nothing To Do With Ongoning MACC Probe	The Edge CEO Morning Brief	24

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

# PERSETUJUAN KABINET

## Kontraktor tempatan diberi keutamaan untuk laksana projek MRT3, tebatan banjir, tambah baik LPB Sabah-Sarawak

Kabinet bersetuju untuk melaksanakan projek Mass Rapid Transit 3 (MRT 3) dan menambah baik pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah-Sarawak serta projek tebatan banjir bernilai RM15 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keutamaan akan diberikan kepada kontraktor tempatan terutama Bumiputera bagi menjana peluang perniagaan serta peluang pekerjaan untuk Keluarga Malaysia.

Katanya, ini akan memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, khususnya objektif kerajaan memperkasakan sektor perniagaan serta mencipta 600,000 pekerjaan tahun ini.

"Kerajaan sudah mengambil keputusan untuk meluluskan pelaksanaan projek MRT 3 yang akan melengkapkan infrastruktur pengangkutan awam sedia ada di Lembah Klang dengan


menyediakan perkhidmatan yang bersepadu, mampu bayar dan lancar untuk Keluarga Malaysia.

"Berhubung Lebuhraya Pan Borneo (LPB), Fasa Pertama LPB Sabah giat dilaksanakan dan memabatkan 15 pakej di mana kemajuan kerja setakat ini sudah mencapai 52 peratus dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Oktober 2024.

"Bagi menambah baik lingkaran jalan untuk Keluarga Malaysia di Sabah, kerajaan bersetuju meneruskan pelaksanaan 19 pakej kerja tambahan yang akan memabatkan jajaran sepanjang 367 kilometer dengan tempoh pembinaan selama lima tahun.

"Fasa Pertama LPB Sarawak pula akan memabatkan jajaran 786 kilometer dan telah mencapai 78 peratus kemajuan kerja setakat ini.

"Bagi melengkapkan LPB Sa-



KERAJAAN meluluskan pelaksanaan projek MRT 3 yang akan melengkapkan jaringan infrastruktur pengangkutan awam di Lembah Klang.

rawak, kerajaan turut bersetuju melaksanakan projek Sarawak-Sabah Link Road (SSLR) dan Projek Lebuhraya Trans Borneo (LTB)," katanya dalam satu kenyataan,

semalam. Sementara itu, berhubung dengan projek tebatan banjir, kerajaan pada masa ini menyediakan peruntukan pembangunan RM1 bilion

setahun di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

Mengambil kira fenomena banjir Monsun Timur Laut 2021 atau 2022 yang serius

hingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda, Kabinet memutuskan meningkatkan serta menyegerakan projek tebatan banjir dengan tambahan perbelanjaan RM15 bilion untuk tempoh tahun 2023 sehingga 2030.

Ismail Sabri berkata, pelaksanaan projek infrastruktur berimpak tinggi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak merangkumi pembinaan rel bersepadu serta lebuhraya dan projek tebatan banjir akan memangkinkan pembangunan ekonomi dan menyumbang kepada daya saing negara dan kesejahteraan rakyat.

Keputusan melaksanakan projek tersebut mencerminkan keprihatinan kerajaan bagi menyediakan pelbagai peluang bagi Keluarga Malaysia dan mengukuhkan momentum pemulihan ekonomi negara.

## 'Kemuka tindakan penyelesaian projek terbengkalai'

**Kuala Lumpur:** Kerajaan meminta Ahli Parlimen yang mempunyai masalah projek terbengkalai atau lambat di kawasan mereka mengemukakan tindakan penyelesaian dan pemuliharaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, senarai 'projek sakit' itu perlu diserahkan secara bertulis.

"Ahli Parlimen ada pengalaman sendiri di kawasan masing-masing dan YB

(Yang Berhormat) lebih faham, jadi saya harap Ahli Parlimen yang ada masalah projek di kawasan masing-masing sama ada 'gajah putih' atau lambat kemukakan kepada kami secara bertulis.

"Kita akan pastikan perkara itu tidak berulang. Kita mempunyai Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) dalam kerajaan," katanya pada sesi Pertanyaan Menteri persidangan Dewan Rakyat di sini, kelmarin.

Beliau menjawab soalan

tambahan Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bersatu-Bukit Gantang) mengenai jumlah projek kerajaan yang terbengkalai setakat tahun ini dan projek gajah putih yang terbiar tanpa dibangunkan semula.

Laporan eksklusif TV9 sebelum ini memaparkan mengenai projek terbengkalai di Lembah Beringin, Selangor, selain kekurangan infrastruktur asas seolah-olah menafikan hak penduduk.

Lembah Beringin kini menjadi 'bandar terbengka-

lai' selepas pembangunan dirancang di kawasan berkenaan tidak dilaksana seperti dijanjikan.

Kemudahan di kawasan itu hanya surau kecil dan sekolah rendah yang berkongsi bangunan dengan sekolah agama.

Tinjauan TV9 mendapati ratusan rumah yang sepatutnya dihuni penduduk berakhir dengan jalan tumbuan tidak ubah bagai 'hutan batu'.

Dalam pada itu, Mustapa mendedahkan sejumlah 160



projek pembangunan di seluruh negara dikategori sebagai 'projek sakit' dengan 92 daripadanya sedang dan sudah diambil tindakan intervensi atau penyelesaian masalah oleh ICU.

Beliau berkata, daripada 92 projek itu, sebanyak 41 projek berjaya dipulihkan dan mengikut jadual pelaksanaan projek yang dirancang.

HARIAN METRO/5 MAC 2022/M.S: 20

# INVOIS PALSU

*Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi PPK  
didakwa buat tuntutan palsu RM17,000*

## Shah Alam

Seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan membuat tuntutan palsu RM17,000, empat tahun lalu.

Mohd Zamadi Mohd Zain, 42, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu yang didakwa dilakukan di PPK Klang di sini, pada 15 Januari 2018.

Dia dituduh memperdayakan pegawai atasannya dengan menggunakan invois sebuah syarikat berjumlah RM17,000 yang diketahui mengandungi butiran palsu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Lelaki itu juga mengaku tidak bersalah bagi pertuduhan pilihan iaitu menggunakan invois palsu sebuah syarikat berjumlah RM17,000 sebagai tullen yang dilakukan pada tarikh dan tempat sama.

Bagi tuduhan itu, Mohd Zamadi didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun yang sama, membawa hukuman penjara sehingga dua tahun, atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Hakim Rozilah Salleh membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan perlu melapor diri di pejabat SPRM berhampiran pada setiap bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah sebagaimana dimohon Timbalan Pendakwa Raya Fadhli Ab Wahab.

Terdahulu, peguam Samry Masri yang mewakili Mohd Zamadi memohon jaminan rendah kerana anak guamnya menanggung isteri serta tiga anak yang masih bersekolah.

"Anak guam saya sudah berkhidmat di PPK selama 18 tahun. Dia juga menyara ibunya yang berusia 65 tahun," katanya.

Mahkamah menetapkan 5 April untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen kes.

SINAR HARIAN/5 MAC 2022/M.S: 25

## Penolong Pegawai PPK didakwa buat tuntutan palsu RM17,000

**SHAH ALAM** - Seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi di sebuah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas dua pertuduhan utama dan pilihan berhubung tuntutan palsu RM17,000 empat tahun lalu.

Mohd Zamadi Mohd Zain, 42, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan utama, tertuduh didakwa sebagai seorang ejen di sebuah PPK, berniat memperdayakan pegawai atasannya, telah menggunakan invois sebuah syarikat berjumlah RM17,000.

Ia yang mana tertuduh mempunyai kepentingan mengenainya dan ada sebab untuk dipercayai dokumen tersebut mengandungi butir matan palsu.

Kesalahan didakwa dilakukan di PPK Klang pada 15 Januari 2018.

Bagi pertuduhan pilihan, dia didakwa menggunakan satu dokumen sebagai tulen iaitu invois sebuah syarikat berjumlah RM17,000 kepada pegawai sama yang mana ia adalah suatu dokumen palsu pada tarikh dan lokasi sama.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Fadhli Ab Wahab mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin.

Beliau turut mencadangkan tertuduh dikenakan syarat tambahan iaitu melaporkan diri pejabat SPRM terdekat pada minggu pertama setiap bulan serta me-



Mohd Zamadi (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Jumaat atas dua pertuduhan utama dan pilihan berhubung tuntutan palsu empat tahun lalu.

nyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

"Jumlah itu adalah munasabah memandangkan pertuduhan yang dikenakan adalah serius, selain memastikan tertuduh hadir di perbicaraan akan datang," katanya.

Bagaimanapun, peguam, Samry Masri yang mewakili tertuduh merayu agar anak guam diberi ikat jamin pada kadar rendah.

Selepas mendengar permohonan kedua-dua pihak, Rozilah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan memenuhi syarat tambahan yang dicadangkan oleh pihak pendakwaan.

KOSMO/5 MAC 2022/M.S: 17

## Pegawai PPK Klang didakwa tipu ketua

**SHAH ALAM** – Seorang penolong pegawai hal ehwal ekonomi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Klang didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan membuat tuntutan palsu sebanyak RM17,000 empat tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Zamadi Mohd. Zain, 42, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan termasuk pilihan dibacakan di hadapan Hakim Rozliah Salleh.

Bapa kepada tiga orang anak itu didakwa menipu pegawai atasannya dengan mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM17,000 dengan menggunakan sekeping invoice sebuah syarikat.

Justeru, dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta yang sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Mohd. Zamadi juga berdepan pertuduhan pilihan atas perbuatan sama mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun yang sama yang memperuntukkan penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, sekiranya disabitkan kesalahan.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di PPK Klang pada 15 Januari 2018.

Hakim Rozliah menetapkan jaminan RM10,000 dan 5 April depan sebagai tarikh sebutan semula kes selepas mendengar hujahan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Fadhli Ab. Wahab dan peguam, Samry Masri dan Ainul Azwan @ Ainul Azirahman.



**MOHD. ZAMADI (kanan) diiring keluar dari Mahkamah Sesyen Shah Alam selepas dituduh membuat tuntutan palsu semalam.**

Kosmo! SELASA 8 MAC 2022

## Bekas pengerusi LFSA didakwa

**KUALA LUMPUR** – Bekas pengerusi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) didakwa di dua Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan menggunakan kedudukan dan tidak mengisytiharkan kepentingan sebagai pengarah dua tahun lalu.

Tertuduh, Datuk Azizan Abd. Rahman, 67, mengaku tidak bersalah bagi dua pertuduhan itu di hadapan Hakim Rozina Ayob dan Azura Alwi.

Di hadapan hakim Rozina, Azizan didakwa menggunakan kedudukannya untuk suapan iaitu perlindungan daripada apa-apa tindakan yang boleh diambil oleh LFSA ke atas syarikat Kensington Trust Labuan Limited yang mana tertuduh adalah pengarah dan pegawai amanah di syarikat itu.

Kesalahan dilakukan di Pejabat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Tingkat 10, Mercu UEM, KL Sentral di sini pada 17 November 2020.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib berkata, pihaknya ber-setuju supaya tertuduh dibenarkan diikat jamin RM50,000 dan memohon pasport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam Shamsul Sulaiman mengesahkan wang jaminan dipersetujui kedua-dua pihak dan memaklumkan, anak guamnya tidak mempunyai risiko untuk melarikan diri.

Hakim Rozina membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 berserta syarat tambahan dan menetapkan 5 April untuk sebutan semula kes.

Azizan turut didakwa tidak mengisytiharkan kepentingannya sebagai pengarah dan pegawai amanah di Kensington Trust Labuan Limited kepada Lembaga semasa mem-pengerusikan mesyuarat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan Ke-131.

Ahmad Akram memohon supaya kes dipindahkan di hadapan Hakim Rozina untuk dibicarakan dan mengguna-pakai jaminan sama. Hakim Azura membenarkan permohonan tersebut.



**AZIZAN** (dua dari kanan) tiba untuk didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.

Harian Metro | 12 March 2022 | Page 9

SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam untuk perintah tahanan reman.



# SUAPAN PROJEK RM29 JUTA

*Pengurus operasi, bekas  
pengurus kontrak syarikat  
penghantaran direman*

Oleh Samadi Ahmad  
am@hmetro.com.my

## Putrajaya

**P**engurus operasi serta bekas pengurus bahagian kontrak sebuah syarikat penghantaran direman sehingga 15 Mac ini bagi membantu siasatan kes rasuah berjumlah RM29 juta.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim terhadap kedua-dua suspek berusia 54 tahun dan 47 tahun selepas Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Siti Zaharah Alias mengemukakan permohonan itu di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, semalam.

Menurut sumber, kedua-duanya ditahan di Ibu Pejabat SPRM jam 4.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan bagi membantu siasatan.

"Kedua-duanya disyaki terima rasuah daripada syarikat penghantaran antara 2019 hingga 2021.

"Ia sebagai balasan membantu mendapatkan kerja penyediaan perkhidmatan pengangkutan syarikat terbabit. Ia melibatkan jumlah projek RM29 juta," katanya.

Menurut sumber, kegiatan itu dipercayai dilakukan bersama seorang lagi individu berusia 43 tahun yang direman SPRM sejak 8 Mac lalu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Harian Metro | 15 March 2022 | Page 8



MUHAMAD Muslim dibawa ke Mahkamah Sesyen, Kuala Terengganu, semalam. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

## Guna diploma palsu untuk lesen SPKK

*Bekas juruteknik mengaku salah atas pertuduhan didenda RM7k*

Oleh Zatul Iffah Zolkipliy  
am@hmetro.com.my

**Kuala Terengganu**

Seorang bekas juruteknik di jabatan kerajaan dijatuhkan hukuman denda RM7,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersa-

lah atas pertuduhan menggunakan sijil diploma palsu bagi mendapatkan lesen Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).

Tertuduh, Muhamad Muslim Mamat, 30, turut berdepan hukuman penjara empat bulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Keputusan itu dibuat selepas Muhamad Muslim mengaku salah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di daerah ini pada 26 Disember 2019.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengi-

kut Seksyen 471 Kanun Keseksaan (KK) berdepan hukuman mengikut Seksyen 465 KK.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Farah Yamin Salleh manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sinar Harian | 17 March 2022 | Page 22

## Beri kontrak kepada syarikat isteri

Ketua Balai Bomba  
Peramu Pekan dijel  
180 bulan, denda  
RM194,062.10

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

**K**etua Balai Bomba dan Penyelamat Peramu di Pekan dihukum penjara 180 bulan dan denda RM194,062.10 oleh Mahkamah Sesyen Kuantan pada Rabu selepas didapati bersalah atas 10 pertuduhan memberi kontrak pembekalan makanan bernilai RM36,279.69 kepada syarikat milik isterinya.

Tertuduh, Sheikh Hassan Sheikh Zainuddin, 57, diarahkan menjalani hukuman bermula tarikh sabitan setelah diputuskan

oleh Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain sejurus pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap pertuduhan tersebut.

Prosiding selama dua jam menetapkan kesemua hukuman penjara itu diperintahkan berjalan secara serentak menjadikan tempoh 18 bulan penjara dan boleh dihukum penjara lima tahun jika gagal membayar denda.

Bapa kepada tiga anak itu didapati bersalah menggunakan kedudukannya mencadangkan syarikat Puncak Cahaya Azam Enterprise, milik isterinya bagi pembelian dan penyediaan makanan untuk pelbagai program serta operasi melibatkan anggota bomba di balai tempat dia berkhidmat.

Kesalahan itu dilakukan antara Mac 2014 dan 3 Ogos 2015 dengan setiap satu kontrak bernilai RM1,075 hingga RM7,500.

Antara kontrak itu melibat-



Sheikh Hassan (tengah) dihukum penjara 180 bulan dan denda RM194,062.10 oleh Mahkamah Sesyen Kuantan pada Rabu selepas didapati bersalah atas 10 pertuduhan memberi kontrak pembekalan makanan bernilai RM36,279.69 kepada syarikat milik isterinya.

kan penyediaan makanan untuk anggota bomba yang terlibat dengan operasi pembinaan semula rumah terbakar, operasi memadam kebakaran hutan dan bencana banjir.

Tertuduh yang beralamat di Jalan Kampung Jawa, Kuantan

didapati bersalah mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum menerusi Seksyen 24 akta sama, iaitu boleh dipenjarakan hingga 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda

nilai suapan, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Dalam penghakiman, Ahmad Zamzani berkata, keputusan sabitan dan hukuman dibuat selepas menilai keterangan 18 saksi pendakwaan dan tiga saksi pembelaan, bukti-bukti serta hujahan bertulis daripada kedua-dua pihak.

Pada prosiding itu, Ahmad Zamzani turut membenarkan permohonan peguam, G Ravishankar yang mewakili Sheikh Hassan untuk penangguhan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi.

"Rayuan ini perlu difailkan dalam tempoh 14 hari oleh tertuduh dan jaminan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000," tegasnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa raya SPRM, Siti Sarah Zainal Abidin dan Muhammad Asraf Mohamed Tahir.

Sinar Harian | 18 March 2022 | Page 26

# Ketua balai tak mengaku salah minta rasuah

Dituduh terima suapan daripada pemilik pusat hiburan secara bulanan

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

Seorang ketua balai polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas lima pertuduhan meminta dan menerima rasuah membabitkan nilai keseluruhan RM21,800 daripada pemilik pusat hiburan.

Tertuduh, Sub Inspektor Abdul Halim Alias, 59, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan dua pertuduhan di bawah Seksyen 16 (a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dia didakwa secara rasuah meminta suapan wang tunai sebanyak RM8,000 dan RM1,000 secara bulanan.

Suapan itu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap pemilik pusat hiburan, Restoran The Stage Music Lounge Pti, Hang Kah Joon di sini atas kesalahan melanggar pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).



Tertuduh (dua dari kiri) ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Khamis.

Dalam prosiding sama, tertuduh turut berdepan tiga pertuduhan di bawah Seksyen 17(a) iaitu secara rasuah bersetuju memperoleh wang tunai sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap pemilik pusat hiburan itu atas kesalahan melanggar pematuhan PKPP.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di Restoran The Stage Music Lounge Pti, Kota Shahbandar dan Balai Polis Tengkeri di sini antara tarikh 4 dan 11 Ogos 2020.

Kesemua kesalahan itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM,

Irwan Shah Abdul Samat mencadangkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM Melaka.

Tertuduh yang diwakili Peguam Azrul Zulkifli Stork bersetuju dengan cadangan Timbalan Pendakwa Raya SPRM.

Mahkamah menetapkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di Pejabat SPRM Melaka setiap bulan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 20 April sebagai sebutan semula kes.

## Dua pegawai ILP didakwa kemuka tuntutan palsu

**JOHOR BAHRU** - Dua penjawat awam dari Institut Latihan Perindustrian (ILP) Tangkak didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis kerana mengemukakan butiran sebut harga palsu bagi menuntut bayaran RM7,200 terhadap kursus yang tidak diadakan, enam tahun lalu.

Bagaimanapun tertuduh, bekas Penolong Pegawai Tadbir, Hafizah Ab Talib, 44, dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional, Azarudin Asrap, 43, tidak mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Hafizah yang kini bertugas di Kementerian Pertahanan didakwa memperdayakan prinsipalnya iaitu ILP dengan mengemukakan dokumen Kertas Kerja Bengkel Pemantapan Modal Insan ILP Tangkak Tahun 2016 dan Sebut Harga Perkhidmatan Kursus Pengurusan Organisasi Efektif mengandungi butiran palsu.

Sebut harga itu bagi mengadakan Kursus Pengurusan Organisasi Efektif atas nama Jati Selatan Services and Trading berjumlah RM7,200, sedangkan kursus tersebut tidak diadakan.

Azarudin pula didakwa bersubahat

atas kesalahan yang sama. Hafizah didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, manakala Azarudin pula di bawah Seksyen 28(1)(c) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan palsu, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di ILP Tangkak, di Kilometer 43, Jalan Segamat, Tangkak antara November hingga Disember 2016.

Kes itu dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Ikhwan Ihsan Jalaludin dengan Hafizah diwakili MJ Pereira, manakala Azarudin tidak diwakili peguam.

Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin sementara pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah.

Sebutan semula kes itu pada 19 April ini untuk serahan dokumen dan memberi ruang bagi Azarudin untuk melantik peguam.



Hafizah (kanan) dan Azarudin di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Khamis.

KOSMO | 18 MAC 2022 | MS 8

## Ketua balai polis didakwa minta, terima suapan tunai

**MELAKA** – Ketua Balai Polis Tengkeru mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah daripada tauke pusat hiburan dua tahun lalu.

Tertuduh, Sub Inspektor Abdul Halim Alias, 59, yang menghadapi lima pertuduhan membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Abdul Halim didakwa meminta wang tunai RM8,000 daripada pemilik sebuah pusat hiburan bagi mengelak dikenakan tindakan kerana melanggar syarat Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Tertuduh juga meminta wang bulanan RM1,000 daripada pemilik premis sama agar tidak dikenakan tindakan sekiranya berlaku pelanggaran berkaitan syarat PKPP.

Kesalahan itu dilakukan di Restoran The Stage Music

Lounge Plt, Kota Syahbandar di sini pada pukul 10 malam, 4 Ogos 2020.

Sabit kesalahan, Abdul Halim boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Tertuduh turut didakwa menerima suapan berjumlah RM12,800 daripada pemilik premis sama supaya tidak dikenakan tindakan atas kesalahan melanggar syarat PKPP di Restoran The Stage Music Lounge Plt dan di Balai Polis Tengkeru pada 4 dan 11 Ogos 2020.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) akta sama.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM5,000 berserta syarat tambahan. Sebutan semula kes pada 20 April ini.

HARIAN METRO | 18 MAC 2022 | MS 12

**Johor Bahru:** Dua penjawat awam dari Institut Latihan Perindustrian (ILP) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana mengemukakan butiran sebut harga palsu bagi menuntut bayaran RM7,200 terhadap kursus yang tidak diadakan, enam tahun lalu.

Bagaimanapun, bekas Penolong Pegawai Tadbir dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Hafizah Ab Talib, 44, dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional di institut itu, Azarudin Asrap, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Hafizah yang kini bertugas di Kementerian Pertahanan didakwa memperdayakan prinsipalnya iaitu ILP dengan mengemukakan dokumen Kertas Kerja Bengkel Pemantapan Modal Insan ILP Tangkak Tahun 2016 dan Sebut Harga Perkhidmatan Kursus Pengurusan Organisasi Efektif mengandungi butiran palsu.

Sebut harga itu bagi mengadakan Kursus Pengurusan Organisasi Efektif atas nama Jati Selatan Services and Trading berjumlah RM7,200, sedangkan Kursus Pengurusan Organisasi Efektif itu tidak diadakan.

Azarudin pula didakwa bersubahat dengan Hafizah atas kesalahan yang sama.

Hafizah didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 manakala Azarudin pula menjeri Seksyen 28(1)(c) akta sama.



HAFIZAH (kiri) dan Azarudin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

## Dua tak mengaku kemuka sebut harga palsu RM7,200



Sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesala-

han itu di ILP Tangkak di Kilometer 43, Jalan Segamat, Tangkak antara November hingga Disember 2016.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Ikhwan Ihsan Jalaludin dengan Hafizah diwakili MJ Pereira manakala Azarudin tidak diwakili peguam.

Dalam pada itu, Ikhwan menawarkan kedua tertuduh jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin selain pasport kedua tertuduh diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, MJ Pereira yang mewakili Hafizah memohon hakim mempertimbangkan mengurangkan wang jaminan memam-

dangkan tertuduh mempunyai lima anak berusia empat hingga 17 tahun.

Sementara itu, Azarudin dalam rayuannya turut memohon wang jaminannya dikurangkan memandangkan dia mempunyai tiga orang anak yang berusia tiga hingga sembilan tahun.

Hakim kemudian menetapkan wang jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin sementara pasport mereka diserahkan kepada mahkamah.

Sebutan semula kes adalah pada 19 April ini untuk serahan dokumen dan memberi ruang bagi Azarudin untuk melantik peguam.

Sinar Harian | 19 March 2022 | Page 13

### Dua penyelia direman bantu siasatan kes rasuah naik taraf infrastruktur sekolah agama

**SHAH ALAM** - Dua penyelia direman bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah agama pada Jumaat.

Perintah reman bermula Jumaat sehingga 21 Mac itu dikeluarkan oleh Majistret Nur Faizah Abdul Sani terhadap dua suspek lelaki tersebut, masing-masing berusia 58 tahun dan 42 tahun selepas SPRM membuat permohonan di Mahkamah Majistret 3, Shah Alam, Selangor.

Menurut sumber, kedua-dua suspek berkenaan ditahan SPRM Selangor kira-kira jam 7.30 malam pada Khamis ketika hadir memberi keterangan.

"Kedua-dua suspek merupakan penyelia kanan dan penyelia daripada sebuah jabatan dipercayai masing-masing menerima wang rasuah sebanyak RM40,000.

"Ia dipercayai sebagai balasan untuk mengesyorkan dan mendapatkan kerja-kerja menaik taraf serta penyelenggaraan infrastruktur sekolah agama bagi tahun 2020," menurut sumber.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan tersebut dan kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Pada Selasa, dua pegawai perkhidmatan pendidikan, masing-masing berusia 50 tahun dan 46 tahun ditahan reman selama empat hari oleh SPRM bagi membantu siasatan kes sama.

Suspek lelaki berusia 50 tahun disambung reman selama tiga hari sehingga 20 Mac, manakala suspek wanita yang berusia 46 tahun dilepaskan reman dengan jaminan SPRM.



Dua individu dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk permohonan reman pada Jumaat.

## KOSMO | 19 MAC 2022 | MS 8

# Bekas majistret dijel 58 tahun, denda RM1j

Oleh KHAIRULMIZAN YAHYA

**KUANTAN** - Harapkan pagar, pagar makan padi.

Itulah perumpamaan sesuai buat seorang bekas majistret selepas dijatuhi hukuman penjara 58 tahun dan denda RM1.05 juta kerana didapati bersalah atas enam tuduhan menerima rasuah dua tahun lalu.

Hakim Mahkamah Sesyen, Datuk Ahmad Zamzani Mohd. Zain membuaf keputusan itu selepas mendapati pihak pembelaan yang mewakili tertuduh, Mohamad Amin Shahul Hamid, 40, gagal membuktikan keraguan munasabah di akhir kes tersebut.

Mahkamah memerintahkan bekas majistret Mahkamah Majistret Raub dan Kuala Lipis itu dipenjarakan 12 tahun dan lapan tahun serta denda RM500,00 dan RM125,000 bagi pertuduhan pertama dan kedua.

Bagi pertuduhan ketiga hingga keenam, Ahmad Zamzani memerintahkan tertuduh dipenjarakan selama sembilan tahun, 10 tahun, lapan tahun dan 11 tahun serta denda RM425,000.

Tertuduh juga berdepan hukuman penjara tambahan selama 72 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Mahkamah bagaimanapun mengarahkan kesemua hukuman penjara itu berjalan serentak dan membenarkan tertuduh menagguhkan hukuman tersebut dengan menetapkan jumlah likat jamin dinaikkan sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin.

Ini selepas pasukan pembelaan mengemukakan permohonan untuk menfaikkan keputusan kes berkenaan ke Mahkamah Rayuan.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Amin ketika berkhidmat



**MOHAMAD AMIN** dibawa keluar selepas dijatuhi hukuman penjara dan denda atas kesalahan rasuah oleh Mahkamah Sesyen Kuantan semalam.

sebagai majistret di Raub dan Lipis didakwa meminta suapan RM100,000 dan menerima suapan RM110,000 daripada Hassan Basri Ahmad Sutan Modo.

Suapan itu sebagai dorongan supaya lelaki terbabit dikenakan denda dan tidak dijatuhi hukuman penjara atas kesalahan memiliki rokok seludup semasa kes berkenaan didengar di hadapan tertuduh.

Kesalahan dilakukan di sekitar Lipis dan Raub pada 5 Julai hingga 22 Oktober 2019.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) dan Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin, manakala tertuduh diwakili peguam S. Meheraj.

Pada 9 Ogos tahun lalu, mahkamah memerintahkan tertuduh membela diri atas kesemua pertuduhan dan lelaki itu bersumpah tanpa mengemukakan saksi lain bagi menyokong pembelaannya.

Kosmo | 22 March 2022 | Page 3

## Pegawai bomba dituduh kes rasuah selenggara kenderaan

**ALOR SETAR** – Seorang pegawai bomba mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM5,962 berkaitan urusan penyelenggaraan kenderaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perlis.

Tertuduh, Mohd. Basri Othman, 48, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Harmi Thamri Mohamad.

Mohd. Basri didakwa menerima suapan tunai RM437 dan RM1,025 daripada seorang lelaki sebagai upah kerana memberikan perkhidmatan bagi kerja-kerja menyelenggara kenderaan JBPM Perlis kepada sebuah bengkel di Kangar.

Kesalahan tersebut dilakukan di Maybank cawangan Sungai Petani dekat sini pada 7 Oktober 2020 dan 10 Oktober 2020.

Tertuduh turut didakwa menerima suapan RM1,000, RM1,500 dan RM2,000 daripada individu sama yang dimasukkan ke dalam akaun Maybank miliknya pada 2 November 2020, 29 Oktober 2020



Kesalahan dilakukan di Maybank Cawangan Sungai Petani dekat sini pada 7 Oktober 2020 dan 10 Oktober 2020."

dan 27 Oktober 2020 di lokasi sama dengan tujuan sama.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sew Ping mengemukakan pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM. Tertuduh pula diwakili peguam, Pyara Singh.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Hakim menetapkan 26 April ini untuk sebutan semula kes dan tertuduh dibenarkan diikat jamin sebanyak RM12,000. Tertuduh membayar jaminan dikenakan.

Sinar Harian | 22 March 2022 | Page 14

## Pengurus ditahan kes rasuah libatkan tender projek kerajaan

**JOHOR BAHRU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengurus syarikat bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah bagi mendapatkan tender projek kerajaan pada tahun lalu.

Menurut sumber, wanita berusia 44 tahun itu ditahan sebaik hadir memberikan keterangan kira-kira jam 6 petang di Pejabat SPRM Negeri Johor di sini, pada Ahad.

“SPRM menahan seorang wanita bagi membantu siasatan berhubung kes memberi suapan untuk mendapatkan tender projek kerajaan pada tahun 2021.

“Siasatan awal juga mendapati syarikat suspek yang

memiliki lesen kelas Gred G3 telah memberi rasuah untuk mendapatkan kerja-kerja di bawah Gred G2,” katanya ketika dihubungi di sini, pada Ahad.

Sumber berkata, SPRM juga kini sedang membuat siasatan lanjut berhubung jumlah suapan yang terlibat dalam kes berkenaan.

Katanya, suspek juga tidak diarahkan menjalani sebarang perintah reman selain kes disiasat di bawah Seksyen 16(b) (A) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan wanita berkenaan bagi membantu siasatan berhubung kes tersebut.

Sinar Harian | 22 March 2022 | Page 15

## Guru besar didakwa beri kontrak peralatan sekolah kepada isteri, adik

**KOTA KINABALU** - Seorang guru besar sekolah rendah di sini didakwa atas 25 pertuduhan menggunakan kedudukannya memberi kontrak kepada isteri dan adik lelakinya membabitkan kelulusan tender pembelian alat bantu mengajar dan peralatan berjumlah RM36,466.15 pada 2017 hingga 2019.

Hussin Amid, 53, mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan itu.

Dia didakwa menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan meluluskan tender pembelian kepada syarikat milik isterinya, Ammy Emelia Jamal dan syarikat milik adiknya, Ahamadi Amid yang tertuduh mempunyai kepentingan.

Semua perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah sekolah rendah di sini antara 10 November 2017 dan 31 Oktober 2019.

Pertuduhan mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Hakim Abu Bakar Manat membenarkan Hussin diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin selain dikehendaki melaporkan diri di pejabat SPRM Kota Kinabalu di sini setiap dua bulan sekali dan menetapkan 24 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula kes. Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Nurul Izzati Sapiee manakala tertuduh diwakili peguam Nabilah Nursahar. - *Bernama*

## Pegawai bomba kena lima pertuduhan rasuah

**Alor Setar:** Seorang pegawai bomba dihadapkan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas lima pertuduhan rasuah membabitkan kerja penyelenggaraan kenderaan milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perlis pada 2020.

Mohd Basri Othman, 48, yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Harmi Thamri Mohamad.

Mengikuti pertuduhan pertama dan kedua, Mohd



MOHD Basri (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Alor Setar.

Basri pada 7 dan 10 Oktober 2020 didakwa secara rasuah menerima suapan wang tunai RM437 dan RM1,025 daripada seorang lelaki sebagai upah memberikan perkhidmatan kerja selenggara kenderaan JBPM Perlis yang ketika itu diuruskannya kepada sebuah syarikat.

Bagi pertuduhan ketiga, keempat dan kelima pula dia didakwa melakukan kesalahan sama iaitu menerima suapan wang tunai RM1,000 pada 2 November 2020, RM1,500 pada 29 Oktober 2020 dan RM2,000 pada 27 Oktober 2020 daripada lelaki berkenaan bagi tujuan sama.

Dia didakwa melakukan semua kesalahan itu di Maybank Cawangan Sungai Petani, Kedah.

Berikutan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000.

Mahkamah menetapkan 26 April depan sebagai tarikh sebutan semula kes dengan tertuduh dibenarkan diikat jamin sebanyak RM12,000 beserta seorang penjamin.

Harian Metro | 22 March 2022 | Page 2

## Rasuah untuk dapat tender bawah kelas G2

**Johor Bahru:** Seorang pengurus syarikat pembinaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin bagi membantu siasatan kes disyaki rasuah untuk mendapatkan tender.

Menurut sumber, suspek yang juga wanita berusia 44 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Johor pada jam 6 petang selepas hadir untuk memberikan keterangan.

Difahamkan, syarikat suspek disyaki membayar sejumlah wang rasuah bagi membolehkannya mendapatkan tender bawah kelas G2 pada 2021.

Difahamkan, hasil semakan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mendapati lesen dimiliki syarikat terbabit adalah kelas G3.

Bagaimanapun, nilai rasuah terbabit masih lagi dalam siasatan SPRM.

Sementara itu Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi Harian Metro mengesahkan penahanan berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

Sinar Harian | 23 March 2022 | Page 1, 31



**SPRM tahan 5,  
termasuk tiga  
pengarah syarikat  
kejuruteraan  
kes rasuah projek  
MRT RM650 juta**

*Nasional 31*

## 5 ditahan kes rasuah projek MRT

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lima individu membatikan dua bekas pengarah dan tiga pengarah syarikat kejuruteraan bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membatikan projek pembinaan projek Transit Aliran Massa (MRT) bernilai lebih RM650 juta.

Majistret Tuan Shah Wira Abdul Halim membenarkan permohonan SPRM untuk menahan reman tiga suspek berusia 43 hingga 52 tahun bermula semalam hingga 27 Mac untuk membantu siasatan.

Bagaimanapun, dua lagi suspek lelaki berusia 54 dan 63 tahun yang juga bekas pengarah syarikat kejuruteraan tidak direman atas faktor kesihatan. Mereka akan diperintah hadir ke Pejabat SPRM setiap hari bagi membantu siasatan.

Dua bekas pengarah syarikat kejuruteraan berkenaan termasuk seorang berpangkat Datuk dipercayai telah menerima rasuah kira-kira RM27 juta daripada sebuah syarikat kejuruteraan lain sebagai balasan melantik syarikat terbabit sebagai perunding projek berkenaan pada tahun 2017.

Harian Metro | 23 March 2022 | Page 3

**BEKAS PRESIDEN JCORP MENGAKU TIDAK BERSALAH**

# Perdaya pelaburan RM9.46j

Oleh Mary Victoria Dass  
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

**B**ekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas dakwaan memperdayakan Ahli Lembaga Pengarah JCorp untuk membuat pelaburan RM9.46 juta di dua syarikat, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim, 58, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob.

Mengikut kertas pertuduhan, Kamaruzzaman yang ketika itu memegang jawatan terbabit, didakwa menipu dengan memperdaya ahli lembaga pengarah JCorp



KAMARUZZAMAN diiringi pegawai SPRM di mahkamah, semalam.

dengan tidak memaklumkan kedudukan syarikat World Logistic Council Limited yang tidak mampu meneruskan operasi.

Beliau didakwa secara tidak jujur mendorong ahli lembaga pengarah JCorp

bersetuju dengan pembentangnya iaitu dana sementara \$A55 juta (RM21 juta) diluluskan yang akhirnya menyebabkan wang sejumlah \$A51 juta (RM4.21 juta) daripada dana sementara dilabur dalam World Logistic

Council, manakala \$A51.25 (RM5.26 juta) dilabur di syarikat World Logistic Council Americas LLC di mana ahli lembaga pengarah tidak akan berbuat demikian sekiranya mereka tidak diperdayakan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Bilik Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah di Tingkat 25, Menara Komtar, Johor Bahru, Johor antara 9.30 pagi hingga 1.45 tengah hari pada 8 Julai 2019.

Kesalahan berkenaan didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut seksyen yang sama.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Zander Lim Wai Keong memohon mahkamah untuk menetapkan wang jaminan sejumlah RM200,000.

Bagaimanapun, peguam tertuduh, K Raganath memohon ikat jamin lebih rendah iaitu RM50,000 dengan alasan anak guamnya tidak bekerja sejak tiga tahun lalu.

Menurutnya, anak guamnya juga memberi kerjasama sepanjang siasatan dijalankan Suruhanjaya Pencega-

han Rasuah Malaysia (SPRM) selain memaklumkan Kamaruzzaman bakal mengerjakan umrah di tanah suci dan akan pulang pada 18 April depan.

"Pasport beliau (Kamaruzzaman) juga dalam simpanan ejen pelancongan bagi tujuan berkenaan," katanya.

Wan Mohd Norisham kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM150,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Tertuduh juga perlu melapor diri kepada SPRM sebulan sekali dan tidak dibenarkan mengganggu saksi termasuk menghubungi atau bertemu dengan mereka.

Mahkamah menetapkan 25 Mei depan untuk tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Sinar Harian | 24 March 2022 | Page 10

## Suami isteri direman bocorkan maklumat tender LLM

**SHAH ALAM** - Sepasang suami isteri ditahan reman lima hari bermula Rabu bagi membantu siasatan kes bocorkan maklumat tender Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bernilai lebih RM1.2 juta.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Tuan Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, pasangan suami isteri berusia 44 dan 42 tahun itu ditahan SPRM petang Selasa selepas hadir

memberi keterangan.

“Suspek wanita yang juga seorang pengarah dan terbabit dalam pemilihan kontrak LLM dipercayai membocorkan maklumat tender bernilai RM1.2 juta kepada suaminya.

“Perbuatan tersebut dilakukan sebagai balasan syarikat milik suaminya dilantik sebagai sub kontraktor kepada satu lagi syarikat yang berjaya mendapat projek berkaitan sistem elektronik pada tahun 2020,” kata sumber itu.

Kedua-dua suspek ditahan di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.



Kedua-dua suspek dibawa untuk permohonan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Rabu.



## MRT Corp clarifies it has nothing to do with ongoing MACC probe

BY SHAZNI ONG  
[theedgemarkets.com](http://theedgemarkets.com)

KUALA LUMPUR (March 23): Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) on Wednesday said that an investigation currently being carried out by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) into alleged corruption by two engineering firms involved in an Mass Rapid Transit (MRT) project is not related to MRT Corp or any of its staff.

"If requested, MRT Corp is ready to extend its full cooperation to the authorities in the investigation into this case.

"MRT Corp wishes to remind all its business partners, contractors and subcontractors that it will not tolerate any form of corruption within its project ecosystems.

"Due action, such as contract termination and/or blacklisting, will be taken against any company found to be involved in corruption," MRT Corp said in a brief statement following media reports of the MACC investigation.

On Tuesday (March 22), *Bernama* reported that three directors and two former directors of an engineering firm had been detained by MACC to assist in a corruption case involving over RM650 million related to the MRT project.

Citing MACC sources, the news agency said four men, including one with the title "Datuk", and a woman, all aged between 43 and 63, were detained when they turned up to give their statements at the MACC headquarters here on Monday (March 21).

The sources added that the two former company directors were believed to have received RM27 million in bribes from another engineering firm as kickback to be appointed as a consultant for the project in 2017.

The case is being investigated under Section 16 of the MACC Act for soliciting and accepting bribes.